

04/06/2002

246 juta budak jadi buruh

KUALA LUMPUR, Isnin - Kira-kira 246 juta kanak-kanak di seluruh dunia bekerja dan daripada jumlah itu, 179 juta kanak-kanak, kebanyakannya berusia di bawah 15 tahun, melakukan pekerjaan yang berbahaya.

Presiden Kesatuan Sekerja Antarabangsa (Uni) - Pejabat Rantau Asia Pasifik (Apro), Joseph De Bruyn, berkata pekerjaan yang dikategorikan sebagai berbahaya kepada kanak-kanak termasuk dalam sektor perlombongan, perikanan dan pembinaan.

Katanya, kira-kira 8.4 juta lagi kanak-kanak menjadi hamba, terbabit dalam pekerjaan haram, dipaksa menyertai pasukan bersenjata bagi menghadapi konflik, selain terjebak dalam pelacuran dan penggambaran lucah.

"Semua ini terkandung dalam laporan Masa Depan Tanpa Buruh Kanak-Kanak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)," katanya sambil menambah seorang daripada lapan kanak-kanak di dunia terdedah kepada buruh yang mengancam mental dan fizikal.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Persidangan Serantau Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa (Uni) - Pejabat Rantau Asia Pasifik (Apro) - di Hotel Istana di sini, hari ini.

Perasmian persidangan tiga hari itu dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

De Bruyn berkata, 60 peratus daripada buruh kanak-kanak adalah dari Asia Pasifik dan justeru Uni-Apro mempunyai tanggungjawab besar menangani masalah itu, apa lagi kanak-kanak tidak dilindungi undang-undang buruh.

Menyentuh cabaran yang dihadapi kesatuan sekerja di rantau ini, De Bruyn berkata, deregulasi ekonomi, langkah menswastakan sektor perindustrian dan dasar ekonomi rasional yang dilaksanakan kebanyakan negara, memberi kesan kepada jumlah pekerjaan yang ditawarkan di seluruh dunia, selain ciri pekerjaan yang dilakukan dan kadar upah untuk pekerjaan.

Beliau berkata, tidak pernah berlaku dalam sejarah pekerja menghadapi cabaran sebegitu besar dan serius.

"Justeru, 'Pekerjaan dan Keadilan Dalam Dunia Global', yang menjadi tema persidangan tiga hari ini amat tepat kerana kita berkumpul untuk persidangan pertama bagi membincangkan isu serta cabaran yang kita hadapi.

"Kira-kira lima tahun lalu, rantau ini diserang krisis kewangan Asia.

"Dalam sekelip mata saja, modal mengalir keluar dan nilai mata wang jatuh mendadak, sementara pekerjaan yang sebelumnya kelihatan selamat dan menawarkan gaji yang lumayan, hilang secara tiba-tiba," katanya.

De Bruyn berkata, Malaysia antara negara yang mengambil langkah berani dan tegas menangani krisis kewangan sehingga pulih dan pertumbuhan ekonominya disasarkan mencapai sehingga enam peratus pada tahun ini.

Katanya, persidangan itu perlu memfokus dasar yang akan dilaksanakan Uni-Apro dalam mewakili ahlinya di Asia Pasifik.

"Keutamaan mesti mengambil lebih ramai ahli kerana tanpa ramai ahli dan pendapat daripada yuran, kita tidak dapat bersuara dengan berkesan bagi pihak pekerja.

"Kita juga perlu memantap dan memperbaiki organisasi serta amalan pengambilan ahli, khususnya dalam syarikat global.

"Kita perlu membina kesatuan sekerja dinamik dan kukuh dalam setiap industri dan di setiap negara di rantau ini," katanya.

(END)